



جابتئن جال إحوال اكتام اسلام فوّلوا فينخ

JABATAN HAL EHWAH AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG



TELEFON : 04-2637200
FAKSIMILI : 04-2502810
<http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj. Kami : JHEAIPP.PMS. 100-1/9/2 Jld.2 (3)

Tarikh : /8 Syaaban 1442H

1 April 2021M

Semua Pengerusi Kariah Masjid

Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Masjid Ghair Jamek Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Surau Jumaat

Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Surau Negeri Pulau Pinang

Y. Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan,

PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN PADA BULAN RAMADAN DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI DI MASJID DAN SURAU NEGERI PULAU PINANG BIL. 4/2021

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan ini melalui perbincangan khas Bersama Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang bertarikh 24 Mac 2021 telah memutuskan seperti berikut:

- i. Memberikan kebenaran pelaksanaan solat sunat tarawih sebanyak 20 rakaat. Namun bagi memastikan tempoh berkumpul tidak terlalu lama, pihak masjid/surau boleh melaksanakan solat sunat tarawih sebanyak lapan (8) rakaat sahaja. Kadar bilangan Jemaah mengikut keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian di dalam kawasan masjid/surau Jumaat/surau;

PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN PADA BULAN RAMADAN DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI DI MASJID DAN SURAU NEGERI PULAU PINANG BIL. 4/2021

- ii. Memberikan kebenaran bagi **aktiviti berbuka puasa, bubur lambuk, moreh dan sahur** di masjid/surau di ruang yang telah ditentukan;
- iii. Memberikan kebenaran kepada **aktiviti majlis ilmu seperti kuliah Subuh, Dhuha, Zohor, tazkirah Ramadan dan tadarus al-Quran** dengan jumlah maksimum ditentukan sendiri oleh pihak masjid/surau;
- iv. Memberikan kebenaran **aktiviti qiamullail** satu (1) jam sebelum waktu imsak;
- v. Memberikan kebenaran **pelaksanaan solat sunat Hari Raya Aidil Fitri** dengan kadar bilangan jemaah mengikut keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian di dalam kawasan masjid/surau Jumaat/surau;
- vi Memberi kebenaran **aktiviti ziarah kubur** sepanjang bulan Ramadan dan Syawal dengan pengawalan kendiri;
- vii. Memberikan kebenaran kepada **aktiviti Bazar Ramadan dan Bazar Aidil Fitri di masjid/surau** dengan pengawalan kendiri; dan
- viii. Memberi kebenaran bagi **pengoperasian Kaunter Zakat Fitrah di semua masjid/surau** di Negeri Pulau Pinang.

Ruj. Kami : JHEAIPP.PMS. 100-1/9/2 Jld.2 (3)

Tarikh : 18 Syaaban 1442H

April 2021M

**PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN PADA BULAN RAMADAN
DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI DI MASJID DAN SURAU NEGERI
PULAU PINANG BIL. 4/2021**

3. Pihak Y.Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan hendaklah mematuhi arahan di atas dan juga memastikan bahawa semua ahli kariah masing-masing mendapat maklumat semasa dan turut mematuuhinya. Bersama ini juga disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Pada Bulan Ramadan dan Solat Sunat Hari Raya Aidil Fitri Di Masjid Dan Surau Seluruh Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2021 seperti di **Lampiran A**.

4. Arahan pelaksanaan aktiviti masjid dan surau ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa secara berperingkat tertakluk kepada situasi perkembangan terkini wabak Covid-19 serta atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sama-sama kita membantu Kerajaan Malaysia dalam usaha mengekang penularan Wabak Covid-19.

Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Tan Sri / Dato' / Tuan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ZAKUAN BIN ZAKARIA)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Salinan kepada:

- 1) YB. Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Pejabat Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Aras 52, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang
Merangkap;
Yang Dipertua,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
- 2) YB Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Aras 25, KOMTAR
10503 Pulau Pinang
- 3) S.S. Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Aras 48, KOMTAR,
10053 Pulau Pinang.
- 4) YDH. Ketua Polis Pulau Pinang
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang
Jalan Penang, George Town,
10760 Pulau Pinang
- 5) Pengarah
Majlis Keselamatan Negara Negeri Pulau Pinang
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 2, Bangunan MARA
No.33, Jalan Pengkalan Weld 10300 George
Town Pulau Pinang.
- 6) Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan MARA
No.33, Jalan Pangkalan Weld
10300 Pulau Pinang
- 7) Setiausaha Sulit Kepada
TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 Pulau Pinang

- 8) Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
{Untuk tindakan sewajarnya}
- 9) Imam besar Masjid Negeri dan Imam Utama Masjid Daerah
{Untuk tindakan sewajarnya}



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
AKTIVITI KEAGAMAAN PADA
BULAN RAMADAN DAN
SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI
DI MASJID DAN SURAU
NEGERI PULAU PINANG
BIL. 4 / 2021**

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN PADA BULAN RAMADAN
DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI DI MASJID DAN SURAU
NEGERI PULAU PINANG BIL. 4 / 2021

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan perkhidmatan masjid dan surau seluruh Negeri Pulau Pinang mengenai pelaksanaan aktiviti keagamaan pada bulan Ramadan dan Solat Sunat Hari Raya Aidil Fitri bagi tahun 2021.
- 1.2 Garis Panduan ini juga bertujuan mengurangkan risiko penularan wabak penyakit, menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi memastikan kesihatan awam tidak terjejas.

2. PELAKSANAAN SOLAT SUNAT TARAWIH

2.1 Bilangan Jemaah Yang Dibenarkan

- (i) Kadar bilangan Jemaah adalah **mengikut keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian di dalam kawasan masjid / surau dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter;**

- (ii) Jemaah hendaklah **berstatus warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap** sahaja; dan
- (iii) Jemaah hendaklah berusia **7 tahun hingga 70 tahun sahaja**. Jemaah yang berumur 71 tahun dan ke atas hendaklah dalam keadaan sihat dan tidak bergejala walaubagaimanapun tidak digalakkkan.

2.2 Pelaksanaan Solat Sunat Tarawih

- (i) Solat Sunat Tarawih dibenarkan pelaksanaannya sebanyak **dua puluh (20) rakaat dengan bacaan surah-surah atau ayat-ayat pendek**. Namun bagi memastikan tempoh berkumpul tidak terlalu lama, pihak masjid /surau boleh melaksanakan solat sunat tarawih **sebanyak lapan (8) rakaat sahaja**;
- (ii) Imam dan bilal hendaklah meringkaskan zikir, selawat dan doa; dan
- (iii) Tazkirah semasa solat sunat tarawih adalah **tidak dibenarkan**.

3. PELAKSANAAN AKTIVITI MASJID SELAIN IBADAH SOLAT

3.1 Aktiviti Berbuka Puasa, Bubur Lambuk, Moreh dan Sahur

- (i) Aktiviti berbuka puasa, bubur lambuk, moreh dan sahur di masjid / surau adalah **dibenarkan** di ruang yang telah ditentukan oleh pihak masjid/surau termasuk penentuan had maksimum jemaah yang dibenarkan;
- (ii) Hidangan secara *buffet* adalah dibenarkan dan pihak masjid / surau perlu **melantik petugas** di kaunter *buffet* bagi memastikan pematuhan SOP dapat dilaksanakan;
- (iii) Makanan secara bungkus adalah **digalakkan**;
- (iv) Hidangan serta makan bertalam **tidak dibenarkan**; dan
- (v) **Keutamaan Jemaah adalah yang berusia 7 tahun hingga 70 tahun dan berstatus Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap sahaja.** Jemaah yang berumur 71 tahun dan ke atas yang sihat dibenarkan hadir tetapi tidak digalakkan.

3.2 Aktiviti Majlis Ilmu, Tadarus dan Qiamullail

- (i) Aktiviti majlis ilmu seperti kuliah Subuh, Dhuha, Zohor, tazkirah Ramadan dan tadarus al-Quran adalah **dibenarkan** dengan jumlah maksimum ditentukan sendiri oleh pihak masjid/surau;
- (ii) Tenaga pengajar hendaklah terdiri daripada pemegang tauliah mengajar agama yang sah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan bermastautin di negeri Pulau Pinang sahaja justeru tenaga pengajar yang merentas sempadan negeri untuk tujuan tersebut adalah **tidak dibenarkan sama sekali**;
- (iii) Bagi aktiviti majlis ilmu, jemaah hendaklah berada di tempat solat masing-masing;
- (iv) Aktiviti Qiamullail dibenarkan **satu (1) jam** sebelum waktu imsak dan bermalam di masjid adalah **dilarang**; dan
- (v) **Keutamaan Jemaah adalah yang berusia 7 tahun hingga 70 tahun dan berstatus Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap sahaja.** Jemaah

yang berumur 71 tahun dan ke atas yang sihat dibenarkan hadir tetapi tidak digalakkan.

4. PELAKSANAAN TAKBIR, SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI DAN ZIARAH KUBUR

- 4.1 Takbir Hari Raya dengan menggunakan pembesar suara luar adalah **dibenarkan bermula Solat Maghrib malam terakhir Ramadhan**;
- 4.2 Solat sunat Aidil Fitri **dibenarkan** dengan kadar bilangan Jemaah mengikut **keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian di dalam kawasan masjid / surau** dengan mengambil kira **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter**;
- 4.3 Imam dan Khatib **Jemputan** tidak dibenarkan untuk memimpin solat dan menyampaikan khutbah Hari Raya. Tanggungjawab ini adalah terletak kepada imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sahaja;
- 4.4 Khutbah Hari Raya hendaklah diringkaskan dan hanya menggunakan teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sahaja;
- 4.5 Imam hendaklah membaca surah atau ayat yang pendek ketika solat serta meringkaskan doa dengan kadar tempoh

keseluruhan Solat Sunat Hari Raya Aidil Fitri termasuk khutbah adalah kira-kira **empat puluh lima (45) minit**; dan

- 4.6 Aktiviti ziarah kubur sepanjang bulan Ramadan dan Syawal masih **dibenarkan** dengan pengawalan kendiri.

5. PELAKSANAAN AKTIVITI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI DI KAWASAN MASJID / SURAU

- 5.1 Aktiviti Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri adalah **dibenarkan** dengan pengawalan kendiri;
- 5.2 Kebenaran ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- 5.3 Garis panduan ini sebagai kawalan dalaman berhubung penggunaan kemudahan sedia ada di masjid / surau.

6. AKTIVITI ZAKAT FITRAH

- 6.1 Kaunter Zakat Fitrah adalah **dibenarkan** di semua masjid / surau di Negeri Pulau Pinang;
- 6.2 Waktu operasi kaunter yang bersesuaian hendaklah **ditetapkan oleh pihak masjid / surau**;
- 6.3 Bayaran secara pandu lalu (*drive thru*) dan secara dalam talian (*on-line*) adalah **digalakkan**;

- 6.4 Bagi yang tidak sihat dan bergejala, **hendaklah mewakilkan bayaran kepada waris atau individu yang dipercayai;**
- 6.5 Sentiasa **memakai pilitup hidung dan mulut (face mask)** semasa membuat pembayaran;
- 6.6 Pihak masjid / surau **hendaklah membuat penandaan (tagging)** untuk panduan beratur mengikut penjarakan fizikal ;
- 6.7 Menyerahkan wang Zakat Fitrah kepada Amil Zakat Fitrah mengikut kadar nilai yang dipilih mengikut kemampuan dan kembali pada jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter sebaik serahan wang dilakukan;
- 6.8 Menunggu Amil Zakat Fitrah melakukan akad dan doa sebelum menerima resit Zakat Fitrah mengikut nilai kadar Zakat Fitrah yang betul kepada pembayar;
- 6.9 **Tidak bersalaman** dengan Amil Zakat Fitrah yang bertugas; dan
- 6.10 Segera beredar setelah selesai urusan pembayaran Zakat Fitrah. **(sila rujuk Tatacara Khas Pembayaran Zakat Fitrah 1442 H Di Waktu Penularan Wabak Covid -19 (Kaedah Konvensional) Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang).**

7. PEMATUHAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (S.O.P) YANG DIPERKETATKAN

- 7.1 Kaunter pemeriksaan suhu bagi setiap jemaah adalah **diwajibkan** bagi memastikan hanya yang sihat sahaja dibenarkan hadir dan **diwajibkan** juga memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*);
- 7.2 Jemaah yang hadir hendaklah tidak mempunyai sebarang gejala Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, sesak nafas, selsema, berpenyakit kronik atau yang seumpamanya dan suhu badan tidak melebihi 37.5 C;
- 7.3 Jemaah yang mempunyai hubungan kontak rapat positif Covid19 atau dalam tempoh kuarantin yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah **tidak dibenarkan** hadir ke masjid / surau;
- 7.4 Jika ada jemaah yang disyaki atau disahkan positif Covid-19, masjid / surau tersebut hendaklah melakukan proses sanitasi penuh dan jemaah lain yang hadir pada hari berkenaan perlu melakukan saringan mengikut prosedur Kementerian Kesihatan Malaysia. **Tindakan penutupan masjid perlulah dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Agama Daerah berkenaan;**
- 7.5 Kehadiran hendaklah direkodkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau di dalam buku kehadiran dan hendaklah disimpan bagi tujuan rujukan jika perlu;

- 7.6 Pihak masjid / surau **hendaklah menyediakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) yang mematuhi standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);**
- 7.7 Semua ahli jemaah yang hadir hendaklah **mengambil wuduk sebelum hadir ke masjid / surau dan membawa sejadah bersaiz besar sahaja.** Penggunaan air kolah tidak dibenarkan sama sekali kecuali pili air ketika wuduk terbatal;
- 7.8 **Cara masuk dan keluar masjid / surau mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan fizikal yang terkawal;**
- 7.9 Tidak bersalaman sepanjang berada di masjid / surau. Para jemaah hendaklah terus pulang dan tidak berkumpul di luar setelah selesai solat;
- 7.10 Tidak berlaku pergerakan yang sangat aktif di dalam masjid / surau kecuali di ruang dan pada kedudukan yang ditetapkan sahaja;
- 7.11 Tiada aktiviti perkumpulan dibenarkan selepas selesai solat sama ada di dalam atau di luar masjid / surau;

- 7.12 Jemaah bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi penjarakan fizikal;
- 7.13 Pegawai yang bertugas hendaklah melaksanakan rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan masjid / surau untuk memastikan jemaah terus pulang;
- 7.14 Melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wuduk sebelum dan selepas aktiviti masjid / surau dilaksanakan; dan
- 7.15 Jumlah bilangan jemaah adalah mengikut keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian di dalam kawasan masjid / surau dengan mengambil kira keperluan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter dan kemampuan pihak pengurusan masjid / surau.

8. PANDUAN AM

- 8.1 Pegawai Jabatan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan RELA akan terus bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap pematuhan Garis Panduan ini;

- 8.2 Semua ahli kariah hendaklah dimaklumkan dengan seberapa segera tentang Garis Panduan yang berkuatkuasa ini melalui apa-apa sahaja medium hebahan yang bersesuaian; dan
- 8.3 Pihak jabatan ini **tidak bertanggungjawab** sekiranya terdapat ahli kariah yang diambil tindakan undang-undang akibat perlanggaran arahan pekeliling yang telah dikeluarkan.

9. PENGUATKUASAAN

- 9.1 Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **12 April 2021 (Isnin) bersamaan 29 Syaaban 1442H** sehingga arahan baru dikeluarkan oleh jabatan tertakluk kepada perubahan arahan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa atau sehingga satu tempoh diisyiharkan keadaan kembali selamat oleh pihak Kerajaan Malaysia; dan
- 9.2 Sebarang pindaan garis panduan ini akan dikaji dari semasa ke semasa atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang

1 April 2021M bersamaan 18 Syaaban 1442H